

# Kecuaian dan Pengabaian Kanak-kanak oleh Ibu Bapa: Kedudukannya di bawah Akta Kanak-kanak 2001 dan Prinsip Syariah

(Child Neglect and Child Abandonment by Parents: Its Position under  
Child Act 2001 and Syariah Principles)

MOHAMMAD RAMZI ZAKARIA

## ABSTRAK

*Peningkatan jenayah kecuaiian dan pengabaian kanak-kanak sejak akhir-akhir ini kelihatan membimbangkan. Pihak yang bertanggungjawab, terutamanya ibu bapa, kelihatan seperti kurang peduli serta kurang berhati-hati dalam mengendalikan urusan berkaitan anak-anak mereka. Pelbagai bentuk kecuaiian dan pengabaian berlaku setiap hari. Ini disebabkan oleh pelbagai faktor yang akhirnya telah memberikan impak negatif kepada kanak-kanak. Dalam menjaga dan melindungi kebajikan kanak-kanak ini, kerajaan telah mengambil inisiatif menggubal satu rang undang-undang yang kini dikenali sebagai Akta Kanak-kanak 2001. Penulisan ini menganalisis peruntukan di bawah akta tersebut serta prinsip-prinsip syariah. Ianya turut mengenal pasti keperluan mendakwa pesalah di bawah Enakmen Kesalahan Jenayah Islam Negeri.*

*Kata kunci: Kecuaian; pengabaian; Akta Kanak-kanak 2001; prinsip syariah; Enakmen Kesalahan Jenayah Islam*

## ABSTRACT

*The recent increase in crimes of child neglect and child abandonment looks worrying. Responsible parties when the responsible parties, especially parents, are more or less careless and less cautious in attending to matters pertaining to their children. Various forms of child neglect and child abandonment occur everyday. These are caused by various factors which, in eventuality, cause negative impact on the children. In in guarding and protecting the welfare of these children, the government has taken the initiative to enact a bill which is known today as the Children Act 2001. This writing analyses provisions under the said act and syariah principles. It also identifies the need to prosecute offenders under the states' Islamic Criminal Offences Enactments.*

*Keywords: Neglect; abandonment; Children Act 2001; syariah principles; Islamic Criminal Offences Enactment*

## PENGENALAN

Kecuaian dan pengabaian bukanlah satu kesalahan yang remeh di sisi undang-undang malahan merupakan satu kesalahan besar yang memberi kesan yang sangat buruk. Pada masa kini, kes kecuaiian yang melibatkan ibu bapa terhadap kanak-kanak kian menjadi-jadi. Walaupun ia kelihatan kecil dari sudut luaran, ia sebenarnya menjadi serius apabila kes tersebut melibatkan nyawa, keselamatan dan kebajikan kanak-kanak tersebut. Begitu juga halnya dengan pengabaian ibu bapa terhadap kanak-kanak. Pengabaian sering terjadi di kalangan kanak-kanak apabila ibu bapa tidak mengendahkan perkara-perkara yang berlaku kepada kanak-kanak sehingga anak-anak mereka terjebak dengan sesuatu kesalahan yang melanggar undang-undang.

## KONSEP KECUAIAN DAN PENGABAIAN IBU BAPA TERHADAP KANAK-KANAK

### DEFINISI KECUAIAN DAN PENGABAIAN

Menurut Islam, perkataan kecuaiian menurut bahasa Arab yang dikenali sebagai istilah '*tafrit*' atau '*taqsir*'.<sup>1</sup> Kedua-dua istilah ini dari sudut bahasa memberi maksud kecuaiian atau kurang berhati-hati, iaitu apabila seseorang itu melakukan sesuatu perkara dengan keadaan kurang sempurna. Istilah *tafrit* boleh dirujuk dalam al-Qur'an:

(Diperintahkan demikian) supaya jangan seseorang (menyesal dengan) berkata: sungguh besar sesal dan kecewaku kerana aku telah mencuaikan kewajipan-kewajipanku terhadap Allah serta Aku telah menjadi dari orang-orang yang sungguh memperolok-olokkan (agama Allah dan penganut-penganutnya).<sup>2</sup>

Manakala dari sudut perundangan, istilah *tafrit* merupakan suatu peninggalan oleh seseorang yang waras daripada melakukan perbuatan yang sepatutnya dilakukan, ataupun suatu perbuatan yang dilakukan oleh seseorang yang waras yang mana perbuatan tersebut tidak sepatutnya dilakukannya. Istilah kecuaiian tidak disebut secara khusus oleh ulamak klasik. Sungguhpun begitu, terdapat istilah yang digunakan untuk menggantikan istilah *tafrit* iaitu *khata'*. *Khata'* membawa maksud tidak sengaja atau tersilap.<sup>3</sup> Di samping itu, dalam penulisan fuqaha tidak terdapat perbincangan yang khusus yang membincangkan tentang kecuaiian kecuali beberapa contoh yang berkaitan dengannya yang dinyatakan dalam bab-bab tertentu.

Menurut perundangan sivil, walaupun seseorang kanak-kanak itu tidak didera secara fizikal atau seksual, ibu bapa anak tersebut masih dianggap melakukan kesalahan apabila mereka mengabaikan kanak-kanak di bawah jagaan mereka. Kecuaian atau pengabaian menurut UNICEF Malaysia bererti satu bentuk penderaan yang paling lazim berlaku dan akan mengancam nyawa, namun biasanya sukar dikenal pasti.<sup>4</sup> Kejadian ini berlaku apabila ibu bapa dengan sengaja tidak memenuhi keperluan fizikal, emosi dan perkembangan kanak-kanak. Kejadian atau tindakan ini selalunya tidak dapat dikenal pasti, tetapi hanya orang-orang rapat dengan kanak-kanak berkenaan yang sepatutnya menyedari bahawa ada sesuatu yang berlaku. Dasar Perlindungan Kanak-kanak Kebangsaan Malaysia mendefinisikan kecuaiian atau pengabaian sebagai suatu kegagalan yang berterusan dan serius dalam menyediakan keperluan fizikal, emosi dan perkembangan yang asas dari segi kesihatan, pendidikan, perkembangan emosi, makanan, tempat tinggal dan kehidupan yang selamat untuk kanak-kanak. Pengabaian boleh mendedahkan kanak-kanak kepada pelbagai jenis bahaya, termasuklah ancaman terhadap nyawanya,<sup>5</sup> Menurut Denise Kindschi,<sup>6</sup> kecuaiian atau pengabaian juga boleh dimaksudkan sebagai suatu kegagalan atau keengganan untuk menyediakan jagaan kepada seseorang yang mereka bertanggungjawab ke atasnya.

Merujuk kes *R v Sheppard* dan kes-kes yang dilaporkan terdahulu, punca kecuaiian atau pengabaian yang boleh dihipunkan dengan jumlah yang banyak. Antaranya ialah:

1. Kegagalan ibu bapa untuk menyediakan kemudahan perubatan atau dengan sengaja melengah-lengahkan untuk mendapatkan rawatan kanak-kanak di bawah jagaan mereka.
2. Kegagalan ibu bapa untuk memastikan kanak-kanak di bawah jagaan mereka tidak terlibat dengan aktiviti-aktiviti berbentuk jenayah.
3. Kegagalan ibu bapa untuk melindungi kanak-kanak di bawah jagaan mereka daripada objek-objek berbahaya yang terdapat di dalam rumah termasuklah bermain air, api atau peralatan elektrik.
4. Kegagalan ibu bapa untuk menjaga kebersihan rumah sehingga mendedahkan kanak-kanak di bawah

jagaan mereka kepada bahaya akibat makanan yang tercemar.

5. Kegagalan ibu bapa untuk menyediakan pakaian yang bersih serta menjaga kebersihan diri kanak-kanak di bawah jagaan mereka.
6. Kegagalan ibu bapa untuk menyediakan makanan yang mencukupi dan berterusan kepada kanak-kanak di bawah jagaan mereka.
7. Ibu bapa menggunakan kanak-kanak di bawah jagaan mereka sebagai pengemis atau penjaja barang.

Menurut Osofsky & Fenichel,<sup>7</sup> apabila berlaku sesuatu keganasan dalam rumah tangga, pemikiran dan tumpuan ibu bapa akan terganggu. Hal ini juga akan memberi kesan buruk menyebabkan mereka kurang berkomunikasi dan tidak memberi perhatian yang sepenuhnya terhadap kanak-kanak.

#### DEFINISI IBU BAPA DAN KANAK-KANAK

Takrif ibu bapa menurut Noor Laily,<sup>8</sup> ibu ialah wanita yang mengandung dan melahirkan anak, dan bapa pula ialah lelaki yang membolehkan si anak dikandung oleh ibu sehingga dia dilahirkan. Di samping itu, ibu bapa bertanggungjawab membesarkan anak sehingga dewasa dan membentuknya menjadi khalifah di bumi Allah.

Berdasarkan Common Law, jika anak itu lahir semasa ibu bapanya yang telah atau masih berkahwin, maka anak tersebut adalah anak mereka yang sah. Walau bagaimanapun, pada zaman kini terdapat kemajuan teknologi yang canggih yang membolehkan seorang wanita mengandung dengan menggunakan janin orang lain atau menumpangkan anak di dalam rahimnya kepada wanita lain. Maka perkara ini menimbulkan persoalan terhadap status ibubapa anak tersebut.

Menurut Islam, kesahtarafan seorang anak bergantung konsep *alwalad li'l-firash* iaitu anak berasal dari tempat tidur perkahwinan. Dalam hal ini, pasangan mestilah telah sah berkahwin dan anak yang lahir dari perkahwinan tersebut adalah anak kepada pasangan tersebut dan merekalah ibu bapa yang sah.<sup>9</sup> Maka jelas dalam Islam menekankan anak itu, hendaklah dikandung selepas pasangan tersebut berkahwin dan bukan sebelumnya.

Definisi kanak-kanak menurut *common law* dalam kamus *Black's Law Dictionary*, adalah seseorang yang belum mencapai umur empat belas tahun, walaupun umur tersebut kini berbeza dari satu bidang kuasa ke bidang kuasa yang lain.<sup>10</sup> Manakala menurut Roger Bird di dalam *Osborn's Concise Law Dictionary*, mentakrifkan kanak-kanak dengan merujuk *Children and Young Persons Act 1933 United Kingdom*, seksyen 107 sebagai seseorang yang di bawah umur empat belas tahun.<sup>11</sup> *Children Act 1975 United Kingdom*, seksyen 107(1) dan *Adoption Act 1976 United Kingdom*, seksyen 72(1) kanak-kanak ialah seseorang yang berumur lapan belas tahun ke bawah. Dalam kamus *Oxford Dictionary of Law* menyatakan bahawa kanak-kanak adalah seseorang yang belum dewasa.<sup>12</sup> Tambahan lagi menurut kamus ini, tiada

definisi yang tepat dan khusus kerana ia digunakan untuk seseorang yang berumur di bawah empat belas tahun, di bawah enam belas tahun dan kadangkala di bawah umur lapan belas tahun.

Manakala seksyen 52(1) *Matrimonial Causes Act* 1973 United Kingdom, memperuntukan bahawa kanak-kanak dalam konteks satu atau kedua-dua pihak kepada perkahwinan termasuk kanak-kanak yang tidak sah taraf atau kanak-kanak angkat pihak tersebut. Dalam Inggeris menyatakan perkataan kanak-kanak boleh merujuk kepada sesiapa sahaja yang berumur dari kosong hingga lapan belas tahun.

Pada tahun 1991, Akta Perlindungan Kanak-kanak 1991 (Akta 468) diperkenalkan bagi menggantikan Akta 232 yang mendefinisikan kanak-kanak sebagai mereka yang di bawah umur 18 tahun dan tiada pengasingan dibuat antara kanak-kanak dengan orang muda, tetapi berdasarkan Akta Kanak-kanak 2001 (Akta 611) mendefinisikan kanak-kanak sebagai mereka yang berumur bawah 18 tahun. Definisi kanak-kanak dalam seksyen 2 Akta 611 adalah selaras dengan Artikel 1 Konvensyen Hak Kanak-kanak 1991 yang membawa maksud sama.

Manakala Islam mentakrifkan kanak-kanak dengan berpandukan dalam kitab-kitab fiqh yang selalu digunakan iaitu *sabiy*, *ghulam* dan *saghir* bagi kanak-kanak lelaki dan *sabiyah*, *jariyah* dan *saghirah* bagi kanak-kanak perempuan.<sup>13</sup> Walau bagaimanapun terdapat beberapa perbincangan dan perbincangan para sarjana tentang maksud anak. Menurut syariat Islam, kanak-kanak adalah seseorang yang belum balil (*al-sabiy* atau *al-ghulam*).<sup>14</sup> Hal ini dijelaskan dalam hadis yang diriwayatkan oleh Ali bin Abi Talib dan Aishah r.a. bahawa Rasulullah SAW pernah bersabda:

Maksudnya: "Tiga orang yang tidak dikira sebagai tanggungjawab ke atas perbuatannya iaitu seorang yang tidur sehingga dia sedar daripada tidurnya, seorang kanak-kanak sehingga dia bermimpi (balil) seorang yang gila sehingga dia siuman."<sup>15</sup>

Hadis di atas menjelaskan bahawa kanak-kanak ialah seorang yang belum dewasa atau boleh diistilahkan sebagai orang yang masih di bawah umur baligh. Manakala menurut Ibnu Manzhur Rahimahullah<sup>16</sup> mengatakan anak dalam daripada perkataan "*Ath-thiflu* dan *ath-thiflah*" bermaksud anak kecil. Manakala dari segi perkataan jamak dari perkataan *ath-thifl* adalah *athfaal*. Menurut Abu Haitsam<sup>17</sup> mengatakan anak adalah perkataan *thifl* bermaksud sejak ia lahir dari kandungan ibunya hingga ia baligh. Hal ini berdasarkan firman Allah SWT:

Maksudnya: "...kemudian dilahirkannya kamu sebagai seorang anak."<sup>18</sup>

Terdapat pendapat di kalangan fuqaha kanak-kanak dikategorikan *tamyiz* dengan menggambarkan sifat seorang kanak-kanak yang mumaiyiz, di mana perbuatan kanak-kanak itu seperti makan, minum dan bersuci bersendirian tanpa pertolongan orang lain.<sup>19</sup>

Menurut Abu Zahrah, para fuqaha menjelaskan maksud *tamyiz* ialah keupayaan memahami secara umum

kesan-kesan daripada kontrak jual beli. Di samping itu, *tamyiz* juga suatu keupayaan memahami bahawa menjual bererti keluar sesuatu daripada milik penjual, dan membeli bererti masuk sesuatu ke dalam milik pembeli.<sup>20</sup> Justeru, ibadat seorang kanak-kanak yang belum mumaiyiz dan orang gila tidak dikira sebagai sah kerana mereka tidak mempunyai sifat *tamyiz*.<sup>21</sup>

Para *hukama'* pula mengklasifikasikan kanak-kanak kepada dua peringkat iaitu sebelum dan sudah mumaiyiz. Setiap peringkat akan berlangsung selama tujuh tahun.<sup>22</sup> Dalam peringkat sebelum mumaiyiz, bermula sejak seseorang kanak-kanak dilahirkan sehingga umurnya hampir genap tujuh tahun. Kebiasaannya sepanjang peringkat ini, kanak-kanak tidak mencapai *tamyiz*, belum dapat berfikir untuk membezakan dengan sempurna antara perkara baik dan buruk, tidak dapat menjangkakan kesan bagi sesuatu tindakan atau perbuatan dan belum mempunyai *idrak* (keupayaan memahami).<sup>23</sup>

Peringkat kedua ini bermula apabila umur seseorang kanak-kanak itu genap tujuh tahun, kerana mulai umur tersebut barulah terdapat pada dirinya sifat *tamyiz*. Maka, para fuqaha menetapkan bahawa umur minimum wujudnya sifat *tamyiz* ialah tujuh tahun.<sup>24</sup> Penetapan umur tujuh tahun sebagai umur minimum bagi kanak-kanak mempunyai sifat *tamyiz* merupakan pendapat yang terkuat berdasarkan hadis yang diriwayatkan oleh 'Abd al-Malik bin al-Rabi bin Sabrah dan ayahnya daripada datuknya yang bahawa Rasulullah SAW bersabda:

Maksudnya: "Ajarlah (atau suruhlah) kanak-kanak bersembahyang ketika berumur tujuh tahun dan pukullah dia ketika berumur sepuluh tahun."<sup>25</sup>

Hadis ini menyeru kita supaya mengajar kanak-kanak bersembahyang apabila berumur tujuh tahun, sedangkan untuk belajar, seseorang itu mestilah mempunyai daya berfikir. Di samping itu, hadis ini menunjukkan bahawa daya berfikir akan wujud apabila seseorang kanak-kanak itu mencapai umur tujuh tahun.<sup>26</sup>

Kanak-kanak dalam peringkat ini dikenali sebagai kanak-kanak yang mumaiyiz yang baru dapat berfikir untuk membezakan antara perkara yang baik dan buruk atau sudah mempunyai *idrak*. Walau bagaimanapun kemampuannya masih pada tahap yang lemah<sup>27</sup> dan kurang kalau dibandingkan dengan sifat *tamyiz* yang ada pada orang dewasa.<sup>28</sup>

Peringkat ini akan berterusan sehingga sifat *tamyiz* sempurna iaitu apabila kanak-kanak itu telah baligh<sup>29</sup> kerana *tamyiz* bermula dalam bentuk yang belum sempurna dan akan berkembang menjadi sempurna apabila seseorang kanak-kanak itu menjadi baligh. Oleh itu umur maksimum bagi *tamyiz* ialah umur baligh.<sup>30</sup> Pada ketika itu tidak lagi dinamakan kanak-kanak tetapi pemuda.<sup>31</sup> Oleh itu, *tamyiz* yang digunakan pada kanak-kanak tidak bermaksud sudah berakal dengan sempurna, tetapi hanya boleh berfikir dan membezakan antara perkara yang baik dan buruk.

## JENIS-JENIS KECUAIAN DAN PENGABAIAAN

Kecuaian dan pengabaian ibu bapa sering terjadi terhadap kanak-kanak atas kurang kepekaan dalam memberi perhatian pada setiap gerak-geri anak-anak ketika melakukan sesuatu sama ada di dalam atau di luar jagaan mereka. Sikap yang cuai, mengabaikan dan tidak ambil peduli akan mencetuskan satu sikap pengabaian fizikal yang memberi kesan buruk terhadap kanak-kanak mudah terjebak sesuatu perkara negatif tanpa pengetahuan mereka sehingga memberi kemudahan kepada kanak-kanak tersebut. Hal ini jelas menunjukkan sikap tidak perihatin dalam didikan, tanggungjawab yang diamanahkan dan peranan sebagai ibu bapa tidak sempurna. Maka ini akan menghasilkan suatu kesuraman akhlak anak-anak yang akan diperolehi apabila ibu bapa memandang remeh dengan tanggungjawab mereka. Oleh itu, tidak hairanlah kadar peningkatan kerosakan akhlak anak-anak yang ditempatkan di pusat pemulihan kian meningkat dari tahun ke tahun atas punca kecuaiian dan pengabaian ibu bapa dalam menjalankan peranan dan tanggungjawab yang sepatutnya kepada anak-anak mereka.

Situasi kecuaiian dan pengabaian ibu bapa sering berlaku dan amat jelas dalam kaca mata dunia di kalangan kanak-kanak apabila sesuatu keadaan yang tidak disedari berlaku di depan mereka sepertimana membiarkan anak-anak mereka dipukul atau didera oleh sesiapa sahaja sama ada dari segi fizikal, emosi dan seksual. Oleh itu, penjelasan jenis-jenis kecuaiian dan pengabaian diperincikan di bawah subtopik ini sepertimana berikut.

### FIZIKAL

Pelbagai penderaan fizikal yang sering terjadi pada anak-anak antaranya menendang, menumbuk, menggoncang, menggigit, memukul hingga tidak sedarkan diri, mematahkan tulang, menyimbah air panas dan pelbagai penderaan fizikal lain. Kesan penderaan fizikal ini telah memberi kesan yang nyata terhadap anak-anak antaranya lebam, cedera sama ada ringan atau parah, luka dan juga sehingga berlaku kematian anak itu sendiri. Kecuaian melalui penderaan juga sering berlaku di kalangan ibu bapa yang dalam keadaan tekanan atau gangguan jiwa yang tidak dapat dielakkan seperti yang berlaku di Lahat Datu Sabah, di mana seorang bapa menyembelih anaknya lalu menghirup darah tersebut.<sup>32</sup> Begitu juga berlaku kepada seorang bapa yang mengidap sakit mental yang telah digelar hingga mati anak bongsonya dan mencederakan dua orang lagi anak perempuannya sehingga terputus jari sepertimana berlaku di Bangi.<sup>33</sup>

Manakala, didikan dengan cara memukul menurut pandangan ibu bapa adalah merupakan didikan yang memberi pengajaran atau mendisiplinkan kepada anak-anak agar tidak mengulangi perbuatan yang sama, tetapi pada hakikatnya dengan didikan berbentuk pukulan

akan menyebabkan berlaku kecederaan sama kepada anak-anak tersebut sehingga menyebabkan kecederaan yang amat serius dan boleh menyebabkan kematian. Walaupun dari persepsi mereka dengan memukul adalah satu didikan tetapi jika pukulan itu melampaui batas dan bukan tempat sepatutnya, ia boleh dikatakan kecuaiian dalam penderaan. Sekiranya ibu bapa yang tidak menghiraukan atau leka dengan perkara tersebut anak-anak akan menjadi trauma.

Oleh itu, kecederaan fizikal yang dianggap oleh ibu bapa sebagai didikan adalah satu pendapat atau pandangan yang tidak relevan, seolah-olah dalam jiwa ibu bapa tidak mempunyai sifat kasih sayang dan tiada konsep keilmuan ibu bapa dalam memberi didikan.

### SEKSUAL

Kecuaian dan pengabaian seksual ini didefinisikan sebagai penglibatan kanak-kanak dalam aktiviti-aktiviti seksual yang mereka sepenuhnya faham apa yang dilakukan atau kanak-kanak berkenaan tidak faham kesan daripada keizinan yang diberikan atau sesuatu yang bercanggah dengan peranan sesebuah negara. Menurut Henry Kempe,<sup>34</sup> kecuaiian dan pengabaian seksual termasuk perbuatan mengadakan hubungan seks dengan kanak-kanak, rogol, sumbang mahram, mendedahkan kemaluan, seks sadis, pelacuran kanak-kanak dan mensiarkan gambar lucah kanak-kanak. Di samping itu, perbuatan mencabul kehormatan seperti memegang, mencium atau meraba bahagian sulit kanak-kanak serta perlakuan seks luar tabii juga melakukan penderaan seksual.

Tidak hairan pada masa kini terdapat ibu bapa tidak mengambil peduli terhadap anak-anak sehingga sanggup membiarkan anak-anaknya dilakukan penderaan seksual oleh orang yang tidak dikenali. Hal ini berdasarkan keratan akhbar yang menggemparkan satu isu di mana seorang ibu tunggal yang tergamak anaknya dirogol oleh teman lelakinya.<sup>35</sup> Di samping itu, ada juga sesetengah ibu bapa sanggup merakam aksi-aksi yang memalukan terhadap anak-anak mereka sehingga hidup anak tersebut tertekan atas sikap ibu bapa yang sanggup membiarkan anaknya dicabuli maruah.

Kecuaian dan pengabaian seksual juga dapat dikenal pasti melalui tanpa kesedaran ibu bapa terhadap anaknya ketika berseorangan. Hal ini sepertimana, tanpa pantauan ibu bapa, anak-anak mengambil kesempatan menonton rancangan-rancangan yang berbentuk lucah sehingga mereka ada sifat keinginan untuk mencuba melakukannya. Justeru, kepekaan ibu bapa amat penting dan perlu dipertingkatkan agar pengawasan diri anak-anak itu terjamin daripada sebarang perkara-perkara yang merosakkan diri anak tersebut.

### EMOSI

Menurut Kasmini Kassim,<sup>36</sup> kecuaiian dan pengabaian emosi adalah satu trauma psikologi yang mencero bohi

lilitan dan lapisan perlindungan minda sehingga minda seseorang itu terganggu untuk jangka masa pendek ataupun panjang mengikut keamatan trauma yang berlaku. Kesan daripada kecuaiian dan pengabaian emosi ini, perasaan tidak berdaya akan timbul, kuasa pada diri sendiri akan tergugat, sistem perlindungan dalam diri akan gagal, sistem badan menjadi lemah dan seterusnya membawa kepada kesakitan emosi apabila mengenang kembali perkara-perkara yang berlaku ke atas diri anak tersebut.

Sebagai ibu bapa perlu memberi contoh dan teladan yang baik kepada anak-anak dengan didikan yang sempurna agar jiwa dan perasaan anak tersebut tidak tertekan dengan didikan yang penuh kekerasan sehingga menyebabkan anak-anak terasa takut dan trauma terhadap sikap ibu bapa. Sifat dan sikap yang keras dalam didikan menyebabkan anak-anak menjadi ikutan apabila berada di luar jagaan ibu bapa, sehingga sanggup melakukan apa sahaja bagi memuaskan tekanan jiwa yang dirasakan.

Di samping itu, kecuaiian dan pengabaian ini juga kesan daripada fizikal atau seksual yang dialami kanak-kanak tersebut atas sikap kekekaan, kealpaan dan pengabaian ibu bapa itu sendiri dalam mengawasi anak-anaknya. Hal ini juga, kecuaiian dan pengabaian emosi boleh menjejaskan keyakinan anak-anak dalam apa jua perkara sekalipun sehingga menimbulkan ketakutan dalam jiwa, maka secara tidak langsung kehidupan anak tersebut akan menjadi terbantut apabila tidak diubah dan dikawal dengan segera. Kecuaian dan pengabaian emosi ini amat membimbangkan kerana ianya berlaku tanpa disedari dan tidak dapat dipandang dengan mata kasar dalam cara ibu bapa membesarkan anak-anak itu. Oleh itu, ibu bapa perlu bertindak positif dalam memberi didikan kepada anak-anak agar masa depan kehidupan anak tersebut terjamin dan juga keyakinan diri mereka akan terus meningkat.

Di samping itu, kecuaiian dan pengabaian juga berlaku melalui penyediaan keperluan asasi diri kanak-kanak seperti makanan dan minuman, pakaian, kesihatan dan keperluan yang lain. Kejadian-kejadian ini sering berlaku terhadap kanak-kanak atas sikap ibu bapa yang tidak menghiraukan anak mereka sehingga ada yang sanggup mengemis demi untuk mencari makanan dan minuman serta ada juga yang sanggup melakukan kesalahan jenayah untuk menampung kehidupan diri mereka. Hal ini sepertimana berlaku di negeri Selangor, di dalam keratan akhbar menyatakan statistik pengemis kanak-kanak yang dapat diselamatkan dari tahun 2010 seramai 23 orang, tahun 2011 seramai 43 orang dan tahun 2012 seramai 78 orang kanak-kanak.<sup>37</sup> Maka dengan jumlah ini tidak hairanlah angka sebenar pengemis kanak-kanak adalah luar jangkaan lebih besar daripada angka tersebut dari tahun ke tahun. Di samping itu, terdapat juga kejadian yang amat memalukan atas sikap ibu bapa yang cuai dan abaikan anak-anaknya dalam didikan atau sesuatu perkara, di mana di dalam satu keratan akhbar menyatakan seorang kanak-kanak berumur 12

tahun terlibat dengan pelacuran sehingga digelar pelacur termuda.<sup>38</sup> Hal ini tidak dapat dinafikan lagi dengan keburukan akhlak dan sivik yang dilakukan kanak-kanak tersebut atas kecuaiian dan pengabaian ibu bapa yang tidak mengendahkan setiap gerak-geri perjalanan serta hala tuju anak-anak mereka.

Sikap kecuaiian dan pengabaian juga dapat dilihat dari sudut kaca mata didikan ibu bapa terhadap kanak-kanak sama ada melalui menulis, mengajar, berdikari, menonton, mendengar atau sebagainya. Kadangkala didikan ibu bapa ini adalah satu skop yang luar daripada landasan didikan yang telah ditetapkan, walaupun daripada pandangan mereka sendiri didikan yang mereka ajari adalah satu perkara yang berguna bagi menjamin masa depan anak-anak, tetapi hakikatnya, didikan yang mereka ajari adalah satu didikan yang berunsur negatif tanpa disedari. Hal ini dapat dilihat, peningkatan kes-kes juvana yang dilaporkan merupakan kesan daripada kecuaiian dan pengabaian ibu bapa iaitu dari 3399 kes pada tahun 2012 kepada 8704 kes pada tahun 2013.<sup>39</sup> Peningkatan yang melonjat tinggi menunjukkan telah berlaku permasalahan yang dihadapi oleh kanak-kanak tersebut atas sikap ibu bapa yang alpa dan leka terhadap mereka.

Oleh itu, kecuaiian dan pengabaian adalah satu kelahiran yang lahir daripada ibu bapa itu sendiri sama ada sedar ataupun tidak. Justeru, pemasalahan kecuaiian dan pengabaian ini tidak akan ada solusinya selagi tiada satu langkah berkesan dalam mencegah perbuatan tersebut.

#### FAKTOR-FAKTOR KECUAIAN DAN PENGABAIAN

Kebanyakan kes kecuaiian dan pengabaian terjadi atas faktor-faktor tertentu tanpa disedari. Punca atau faktor utama yang sering terjadi adalah disebabkan kekurangan ilmu di dalam jiwa.<sup>40</sup> Ilmu pengetahuan boleh diklasifikasikan kepada dua iaitu ilmu agama dan dunia. Dalam situasi pemasalahan ini, ilmu agama perlu ditekankan dalam jiwa ibu bapa. Ilmu agama merupakan ilmu yang menyentuh seluruh kehidupan manusia terutamanya dari segi akhlak, syariah dan akidah. Di samping itu, ilmu agama juga menekankan perkara yang berkaitan dunia dan akhirat. Bagi membentuk kanak-kanak dengan sifat dan akhlak yang sempurna, ilmu agama tidak boleh diabaikan oleh ibu bapa dalam memberi dorongan dan tunjuk ajar kepada kanak-kanak. Perkara ini bertentangan dengan pada masa kini, majoriti ibu bapa banyak beranggapan bahawa ilmu agama adalah tidak penting dalam membentuk kanak-kanak. Hal ini memberi kesan negatif pada kanak-kanak yang akan mudah terpengaruh budaya yang tidak sihat sehingga menyebabkan mereka melakukan perbuatan yang bertentangan dengan syarak dan undang-undang. Hal ini berdasarkan statistik yang menunjukkan pada tahun

2012, hanya 368 kanak-kanak atau pelajar yang terlibat dalam kegiatan jenayah, namun jumlah itu meningkat kepada 542 pelajar pada tahun 2013 iaitu peningkatan sebanyak 47 peratus.<sup>41</sup>

Di samping itu, keburukan akhlak dan moral kanak-kanak pada masa kini kian menjadi buruk atas sebab perhatian ibu bapa yang tidak sepenuhnya sehingga mereka kurang merasai kasih sayang. Sebagai contoh kejadian yang berlaku terhadap seorang gadis yang tidak pernah mendapat kasih sayang seorang ibu pada usia kanak-kanak lagi sehingga gadis tersebut terjebak dengan perbuatan songsang pada peringkat remaja.<sup>42</sup> Kesan ini juga dapat dikenal pasti berdasarkan peningkatan statistik bilangan kanak-kanak yang terlibat dengan kesalahan juvana iaitu sebanyak 8704 kes pada tahun 2013 berbanding dengan 3399 kes pada tahun 2012. Peningkatan ini sebanyak 5305 telah menunjukkan sebahagian kesan daripada punca kecuaiian dan pengabaian ibu bapa dalam memberi kasih sayang dan mengenal pasti kewujudan anak-anak mereka.<sup>43</sup>

Penyalagunaan dadah dan penggunaan alkohol dalam minuman di kalangan ibu bapa menyebabkan kanak-kanak sering terabai setiap masa.<sup>44</sup> Ibu bapa yang mengambil dadah dan penggunaan alkohol dalam minuman akan sentiasa hayal sehingga terlepas pandang terhadap anak-anak mereka, malahan menjadikan anak-anak sebagai tempat memuaskan nafsu dan penderaan. Hal ini berdasarkan kajian California yang menunjukkan ibu bapa yang menggunakan alkohol dalam minuman sering melakukan penderaan fizikal kepada kanak-kanak.<sup>45</sup>

Faktor pemasalahan ekonomi keluarga juga menjadi salah satu punca berlakunya kecuaiian dan pengabaian ibu bapa. Hal ini merujuk peningkatan harga barang dan pembayaran kos-kos yang tertentu merupakan pemasalahan yang memberi kesan negatif dalam rumah tangga. Hal ini kerana, apabila ekonomi keluarga tidak seimbang, tekanan dalam kehidupan akan berlaku kepada ibu bapa, sehingga mereka sanggup memaksa anak-anak melakukan perbuatan mengemis dalam usia yang kecil bagi meringankan bebanan tanggungjawab mereka. Hal ini berdasarkan kajian di dapati bahawa sebanyak dua pertiga punca ibu bapa dalam keadaan kemiskinan yang memberi kesan kepada kanak-kanak terlibat dengan jenayah.<sup>46</sup> Di samping itu, faktor kemiskinan kekeluargaan itu sendiri disebabkan kesusahan, kesempitan dan kepayahan yang terjadi akan menimbulkan tekanan terhadap ibu bapa atas sebab kemiskinan yang berlaku terhadap mereka, bahkan dengan kewujudan anak-anak tersebut akan menambahkan lagi kepayahan dan kesempitan mereka mencari keperluan serta kelengkapan yang diperlukan oleh kanak-kanak tersebut.<sup>47</sup> Maka secara tidak langsung akan wujud kecuaiian dan pengabaian ibu bapa terhadap kanak-kanak itu sendiri, di mana ibu bapa itu sanggup membiarkan anak-anaknya dalam keadaan tidak terurus dan kelaparan setiap masa. Hal ini berdasarkan kajian yang dijalankan di Korea iaitu sebanyak kumulatif 302

di antara umur 7 hingga 12 tahun dianiayakan oleh ibu bapa mereka atas sebab kemiskinan hidup yang menjadi penghalang kehidupan mereka.<sup>48</sup> Ada juga, ibu bapa membiarkan anak-anak mereka mencari kelengkapan dan keperluan sendiri di merata tempat tanpa menghiraukan dan memantau setiap perkara yang dilakukan oleh kanak-kanak tersebut. Hal ini dengan berdasarkan peningkatan kanak-kanak jalanan yang berlaku di Malaysia yang dapat diselamatkan iaitu 240 kes manakala 19 kes dibawa ke mahkamah pada tahun 2014.<sup>49</sup>

Keluarga yang besar atau ramai merupakan salah satu faktor berlakunya kecuaiian dan pengabaian ibu bapa terhadap kanak-kanak.<sup>50</sup> Apabila mempunyai anak yang ramai, kepekaan ibu bapa akan terganggu jika tiada sifat berhati-hati dalam setiap perkara yang mereka lakukan sehingga berlaku kecuaiian dan keabaian terhadap anak-anaknya. Apatah lagi ibu bapa yang sibuk dengan kerjaya masing-masing yang tidak akan ada masa secukupnya untuk meluangkan masa bersama-sama anak-anaknya.

Selain itu, kecuaiian dan pengabaian ini terjadi adalah faktor keadaan di rumah. Apabila rumah dalam keadaan kotor dan tidak selamat, keselamatan kanak-kanak tersebut akan terjejas. Hal ini sepertimana berlaku atas perbuatan meninggalkan kanak-kanak tanpa pengawasan adalah serius kerana terdapat kes kanak-kanak yang ditinggalkan bersendirian telah terperangkap dalam rumah apabila berlaku kebakaran.<sup>51</sup>

Sehubung dengan itu, gangguan mental dan emosi ibu bapa merupakan salah satu faktor utama kecuaiian dan pengabaian ibu terhadap kanak-kanak. Hal ini disebabkan tekanan perasaan yang dihadapi oleh ibu bapa apabila menerima sesuatu pemasalahan. Pemasalahan-pemasalahan yang dialami majoritinya melalui di tempat kerja, situasi sekeliling, diri sendiri, tekanan hidup, keluarga dan sebagainya. Hal ini berdasarkan statistik yang menunjukkan kesan daripada kecuaiian dan pengabaian ibu bapa pada tahun 2012, hanya 368 kanak-kanak atau pelajar yang terlibat dalam kegiatan jenayah, namun jumlah itu meningkat kepada 542 pelajar pada tahun 2013 iaitu peningkatan sebanyak 47 peratus.<sup>52</sup> Di samping itu, gangguan mental dan emosi ini terjadi apabila keadaan ibu itu sendiri selepas melahirkan anak. Apabila tidak dikawal dan menghadapi sesuatu pemasalahan, tekanan perasaan pada dirinya akan bertambah bahkan akan memberikan kesan yang amat besar kepada bayi yang dilahirkan. Hal merujuk kajian dibuat ke atas ibu yang sudah bersaling atau melahirkan anak di Jepun telah memberi layanan yang buruk kepada kanak-kanak pada umur 18 bulan lagi.<sup>53</sup>

Penyakit mental<sup>54</sup> dan gila<sup>55</sup> merupakan salah satu punca atau faktor berlaku kecuaiian dan pengabaian ibu bapa terhadap kanak-kanak. Masalah mental atau dikenali sebagai penyakit mental berlaku atas sebab-sebab tertentu dan kadang-kala tidak didapati punca berlakunya penyakit ini. Kebanyakkan masalah penyakit mental ini sering dikaitkan dengan masalah-masalah yang pernah berlaku ke atas ibu bapa yang trauma dengan kehidupan zaman

silam mereka. Pemasalahan mental yang tidak sihat ibu bapa ini akan menyebabkan kanak-kanak sering didera dan diabaikan walaupun kesalahan yang dilakukan adalah satu perbuatan yang kecil.<sup>56</sup> Sehubungan dengan itu, pemasalahan mental juga berlaku apabila keadaan ibu bapa itu sendiri yang menghadapi dan mempercayai dengan perkara-perkara pelik sehingga anak menjadi korban. Hal ini berdasarkan kejadian yang berlaku pada tahun 2014 di Bangi, seorang bapa dipercayai masalah mental telah mengelar anaknya yang berumur tujuh tahun sehingga mati.<sup>57</sup> Manakala bagi ibu bapa yang menghadapi penyakit gila, kanak-kanak sering terabai dalam pelbagai keadaan dan masa. Keadaan gila sama ada sekejap atau selama-lamanya, akan sentiasa memberikan kesan kanak-kanak dari segi keselamatan, kehidupan, keperluan diri dan berbagai-bagai lagi. Hal ini akan menyebabkan kanak-kanak sering terbiar di jalanan, malahan juga mereka mudah terjebak dengan gejala-gejala sosial yang tidak sihat.

Faktor dan punca kecuaiian dan pengabaian ini boleh diatasi dengan pelbagai langkah dan cara sekiranya si ibu dan bapa dapat mengawasi. Oleh itu, faktor dan punca berlaku kecuaiian dan pengabaian ini, ibu bapa perlu peka dan cakna kepada anak-anak agar keselamatan dan kebajikan mereka terpelihara serta terjamin.

#### KESAN-KESAN KECUAIAN DAN PENGABAIAN

Seorang kanak-kanak akan menjadi mangsa dalam kecuaiian dan pengabaian kesan daripada perlakuan ibu bapa yang tidak peka dan cuai terhadap tanggungjawab mereka. Kesan kecuaiian dan pengabaian ini boleh dikenal pasti melalui dua bahagian iaitu fizikal<sup>58</sup> dan perlakuan kanak-kanak itu sendiri.<sup>59</sup> Menurut Harvey, kesan-kesan melalui fizikal dapat diklasifikasikan kepada empat bahagian berdasarkan kajiannya adalah pembesaran yang terbantut, sering keadaan yang tidak sempurna iaitu selalu berasa lapar dan letih malahan juga keadaan diri kanak-kanak itu sentiasa kotor dan tidak terurus. Perkara ini kesan daripada pengabaian ibu bapa itu sendiri yang sering tidak mengambil peduli kepada kanak-kanak itu sendiri. Hal ini jelas yang berlaku pada hari ini iaitu kanak-kanak meminta sedekah atau wang saku kepada khalayak umum di kaki lima atau jalanan sebagai menampung kehidupan diri mereka. Tambahan lagi, kesan pemasalahan ini akan menyebabkan pembesaran kanak-kanak menjadi terbantut akibat daripada trauma mereka alami. Hal ini secara tidak langsung kanak-kanak akan hilang rasa kepercayaan kepada ibu bapa yang cuai dan abai terhadap mereka. Sehubungan itu, pemasalahan ini juga mendatangkan kesan yang besar sehingga membawa kepada kematian sepertimana berlaku di pantai Port Dickson pada 9 Disember 2013 jam 6.30 petang, sepasang suami isteri bersama anaknya yang berumur dalam lingkungan bawah 1 tahun dibawa oleh pasangan tersebut menaiki banana boat sehingga membawa maut.<sup>60</sup>

Tambahan lagi, pemasalahan ini juga berlaku atas sikap ibu bapa yang tidak peduli atau terlepas pandang kanak-kanak di bawah jagaan mereka sehingga menyebabkan pelbagai kesan buruk seperti kematian, kemalangan, kecederaan, dagangan kanak-kanak, dan lain-lain lagi. Kejadian-kejadian ini boleh didapati melalui media massa seperti akhbar, radio, televisyen dan web. Hal ini sepertimana berlaku, seorang ibu cuai terhadap anaknya sehingga membawa maut di mana si ibu tersebut telah meninggalkan anak tersebut selama enam jam di dalam kereta ketika si ibu tersebut bertugas sebagai guru bagi menghadiri mesyuarat di sekolah sehingga lupa anaknya ada di sisinya.<sup>61</sup>

Bagi kesan melalui perlakuan kanak-kanak dapat dijelaskan oleh Harvey, di mana punca kanak-kanak merayau-rayau tanpa tujuan, mencuri makanan atau meminta makanan adalah punca daripada kecuaiian dan pengabaian ibu bapa itu sendiri yang tidak menyediakan kelengkapan yang sempurna. Dalam perkara ini tidak boleh disalahkan kepada kanak-kanak tetapi boleh disalahkan ibu bapa itu sendiri yang tiada memberi kelengkapan yang perlu terhadap anak-anak mereka. Kadangkala punca anak-anak itu menjadi agresif dan terlibat dengan aktiviti-aktiviti sosial yang tidak sihat adalah kesan daripada ibu bapa yang tidak pantau setiap gerak-geri anak-anak itu. Perbuatan-perbuatan yang tidak sihat telah mencerminkan kekecewaan anak-anak tersebut terhadap ibu bapanya sendiri yang sering tidak memberi perhatian kepada mereka. Malahan juga, mereka sering diabaikan kasih sayang pada setiap masa atas kesibukan kerja sehingga tiada ruang masa yang khusus kepada anak-anak mereka.

Kecuaian dan pengabaian ibu bapa kepada kanak-kanak menjadi perkara yang amat kritikal pada masa kini. Walaupun jika dilihat perkara ini terjadi dengan tidak sengaja atau tanpa disedari, tetapi ia tetap boleh dikatakan satu kesalahan yang besar dan boleh disabitkan di bawah kesalahan kecuaiian dan pengabaian. Justeru, kesan-kesan di atas jelas menerangkan kecuaiian dan pengabaian ibu bapa terhadap kanak-kanak sama ada pemasalahan itu berlaku dalam keadaan sedar ataupun tidak.

#### KECUAIAN DAN PENGABAIAN YANG BERLAKU KE ATAS IBU BAPA DI BAWAH AKTA KANAK-KANAK 2001

Undang-undang yang diperuntukan untuk perlindungan dan kebajikan kanak-kanak menunjukkan bahawa kerajaan telah mengambil tindakan yang serius dalam membasmi penganiayaan, kecuaiian, pengabaian, penderaan dan jenayah yang mensabitkan kanak-kanak. Dalam kes bagi kecuaiian dan pengabaian kanak-kanak terdapat beberapa statut yang diperuntukan bagi menjamin keselamatan, kebajikan dan perkembangan kanak-kanak tersebut yang melibatkan kes-kes kecuaiian dan pengabaian ibu bapa atau pihak-pihak tertentu terhadap kanak-kanak.

Menurut Seksyen 31(1)(a) dan (b) Akta 611 memperuntukkan mana-mana orang yang merupakan orang yang mempunyai pemeliharaan seseorang kanak-kanak:

1. yang menganiayai, mengabaikan, membuang atau mendedahkan kanak-kanak itu dengan cara yang mungkin akan menyebabkannya mengalami kecederaan fizikal atau emosi atau yang menyebabkan atau membenarkannya dianiayai, diabaikan, dibuang atau didedahkan sedemikian; atau
2. yang menganiayai dari segi seks kanak-kanak itu atau yang menyebabkan atau membenarkannya dianiayai sedemikian, melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi dua puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi sepuluh tahun atau kedua-duanya.

Merujuk peruntukan ini, menganiayai, mengabaikan, membuang atau mendedahkan merupakan jenis-jenis perbuatan berbeza. Walau bagaimanapun, keempat-empat jenis perbuatan ini dapat dijelaskan seperti berikut, menganiayai merupakan satu perbuatan yang dilakukan dengan cara menindas, menyiksa atau menyakiti seseorang dengan cara yang zalim. Manakala mengabaikan dapat dijelaskan sebagai satu perbuatan seseorang yang tidak memberikan perhatian tanpa mengendahkan tanggungjawab ke atasnya. Membuang merupakan mencampak atau menyingkirkan seseorang itu daripada dekati diri kepadanya, dan mendedahkan ialah membiarkan atau mendedahkan seseorang itu daripada ancaman-ancaman yang membahayakan dirinya sehingga menyebabkan emosi terganggu. Berdasarkan keempat-empat jenis perbuatan ini, kesalahan ini sering terjadi di kalangan ibu bapa sama ada dalam sedar mahupun tidak sedar ketika anak-anak di sisinya. Hal ini sepertimana berlaku atas kanak-kanak yang ditinggalkan bersendirian telah terperangkap dalam rumah apabila berlaku kebakaran.<sup>62</sup> Tambahan lagi, terdapat satu kes yang melibatkan seorang bapa yang telah meninggalkan anaknya bersendirian dalam kereta dalam keadaan enjin masih hidup dan akhirnya kereta tersebut dilarikan pencuri.<sup>63</sup> Di samping itu, terdapat satu kes kanak-kanak digilis sebuah treler 10 tayar yang dipandu oleh bapanya sendiri. Kejadian berlaku di Pontian berdekatan dengan rumah mangsa ketika bapanya ingin bergerak ke tempat kerjanya.<sup>64</sup>

Berdasarkan subseksyen 31(2) (a), (b) dan (3) Akta 611 menyatakan bahawa mahkamah:

- (a) hendaklah, sebagai tambahan kepada apa-apa hukuman yang dinyatakan dalam subseksyen (1), memerintahkan supaya orang yang disabitkan atas suatu kesalahan di bawah subseksyen itu menyempurnakan suatu bon dengan penjamin untuk berkelakuan baik selama apa-apa tempoh yang difikirkan patut oleh Mahkamah; dan
- (b) boleh memasukkan dalam bon yang disempurnakan di bawah perenggan (a) apa-apa syarat yang difikirkan patut oleh Mahkamah.

(3) Jika seseorang yang diperintahkan supaya menyempurnakan suatu bon untuk berkelakuan baik di bawah subseksyen (2) tidak mematuhi mana-mana syarat bon itu, dia boleh didenda selanjutnya tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau dipenjarakan selanjutnya selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya.

Peruntukan subseksyen 31(2) dan (3) menjelaskan bahawa pihak-pihak yang disabitkan di bawah seksyen 31(1) (a) dan (b) boleh dikenakan bon dengan berdasarkan budi bicara mahkamah. Bon yang dimaksudkan di sini adalah satu pelepasan ke atas pelaku yang diberikan oleh mahkamah sebagai jaminan untuk berkelakuan baik dalam tempoh tertentu yang wajar ditentukan oleh mahkamah. Bon ini disempurnakan oleh ahli keluarga pelaku atau sesiapa sahaja untuk menjamin ke atas pelaku dan sekiranya syarat-syarat bon tersebut tidak dipenuhi, maka denda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau dipenjarakan tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya sekali.

Menurut seksyen 31(4) Akta 611 Akta 611 memperuntukan iaitu:

Seseorang ibu atau bapa atau penjaga atau orang lain yang bertanggungjawab di sisi undang-undang untuk menyara seseorang kanak-kanak hendaklah disifatkan telah mengabaikannya dengan cara yang mungkin akan menyebabkannya mengalami kecederaan fizikal atau emosi jika, sungguhpun dia berupaya mengadakan makanan, pakaian, rawatan perubatan atau pergigian, penginapan atau pemeliharaan yang mencukupi bagi kanak-kanak itu daripada sumber-sumbernya sendiri, dia tidak berbuat demikian.

Penjelasan peruntukan seksyen 31(4) ini menyatakan bahawa ibu bapa atau pihak-pihak bertanggungjawab sering melakukan kecuaiian dan pengabaian melalui penyediaan kelengkapan yang tidak sempurna sehingga menyebabkan kanak-kanak tersebut mengalami kecederaan fizikal atau emosi. Hal ini sepertimana kes ke atas seorang kanak-kanak OKU yang diabaikan oleh ibunya sendiri yang tidak memberi perhatian sepenuhnya kepada anaknya sehingga menyebabkan fizikal kanak-kanak tersebut terjejas walaupun si ibu telah menyediakan kelengkapan dari segi penempatan dan makanan kepada anaknya itu.<sup>65</sup>

Subseksyen 31(5) (a) dan (b) menyatakan seseorang boleh disabitkan atas suatu kesalahan terhadap seksyen ini walaupun

- (a) penderitaan atau kecederaan kepada kesihatan kanak-kanak yang berkenaan atau kemungkinan penderitaan atau kecederaan kepada kesihatan kanak-kanak yang berkenaan telah dielakkan melalui tindakan orang lain; atau
- (b) kanak-kanak yang berkenaan telah mati.

Peruntukan 31(5) ini menjelaskan penderitaan atau kecederaan adalah satu perkara yang berbeza sehingga boleh menjejaskan kesihatan kanak-kanak. Penderitaan merupakan kesusahan atau penanggungan seseorang menghadapi kesakitan yang dialami sama ada dalam bentuk fizikal mahupun mental. Manakala kecederaan



iaitu sesuatu kelukaan yang dialami oleh seseorang atas perbuatan orang lain atau sebab-sebab tertentu. Penjelasan kedua-dua perkara ini, akan menyebabkan kesihatan kanak-kanak terganggu jika mereka mengalami penderitaan atau cedera ke atas diri mereka sama luaran atau dalaman. Hal ini sepertimana berlaku seorang anak ketagih syabu sejak awal usia kecil lagi atas sebab tiada kasih sayang oleh ibu bapanya dan hidup anak tersebut selalu disisihkan sehingga anak tersebut menderita dan kecewa atas sikap ibu bapanya yang tidak peduli atas dirinya.<sup>66</sup>

Kecuaian dan pengabaian terhadap kanak-kanak juga boleh berlaku apabila ibu bapa menjadikan kanak-kanak sebagai mengemis di jalanan atau tempat-tempat tertentu. Merujuk seksyen 32 Akta 611 menyatakan kanak-kanak tidak boleh digunakan untuk mengemis yang melibatkan mana-mana orang yang menyebabkan atau mengakibatkan mana-mana kanak-kanak atau, sebagai seorang yang mempunyai pemeliharaan seseorang kanak-kanak, membenarkan kanak-kanak itu berada di mana-mana jalan, premis atau tempat bagi maksud:

- (a) mengemis, menerima sedekah, sama ada atau tidak dengan dalih menyanyi, bermain, membuat persembahan atau menawarkan apa-apa jua untuk jualan; atau
- (b) menjalankan penjajaan yang menyalahi undang-undang, loteri haram perjudian atau aktiviti lain yang menyalahi undang-undang yang memudaratkan kesihatan dan kebajikan kanak-kanak itu, melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

Peruntukan seksyen 32 ini menjelaskan kecuaiian dan pengabaian terhadap kanak-kanak berbentuk mengemis iaitu mengarahkan kanak-kanak meminta sedekah, menyanyi di jalanan bagi memperolehi pendapatan atau perbuatan-perbuatan yang seumpamanya dengan perbuatan mengemis, maka ia merupakan satu kesalahan undang-undang dan boleh disabitkan di bawah seksyen ini. Pada hari ini, peratusan pengemis di kalangan kanak-kanak semakin meningkat atas desakan ibu bapa itu sendiri kepada anak mereka atau pihak-pihak tertentu sepertimana berlaku di Ampang, apabila seorang ibu tergamak menyuruh anaknya meminta sedekah di khalayak masyarakat umum.<sup>67</sup>

Kesalahan kerana membiarkan kanak-kanak tinggal tanpa pengawasan yang berpatutan yang diperuntukkan seksyen 33 Akta 611 merupakan satu kecuaiian dan pengabaian yang melibatkan mana-mana orang, yang merupakan ibu atau bapa atau penjaga atau orang yang pada masa itu mempunyai pemeliharaan seseorang kanak-kanak, yang meninggalkan kanak-kanak itu:

- (a) tanpa mengadakan persediaan bagi pengawasan dan pemeliharaan yang berpatutan bagi kanak-kanak itu;

- (b) selama suatu tempoh yang tidak berpatutan memandangkan semua hal keadaan; atau
- (c) dalam keadaan yang tidak berpatutan memandangkan semua hal keadaan, melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

Pengabaian yang dinyatakan dalam peruntukan ini adalah bermaksud pengabaian yang berbentuk peninggalan dengan sengaja iaitu kanak-kanak tersebut ditinggal bersendirian dengan tidak diberikan perhatian sepenuhnya dan tanpa menghiraukan kanak-kanak itu sehingga terjejas kehidupan dirinya. Hal ini sepertimana berlaku ke atas pada Jun 2014, seorang wanita yang didakwa di Mahkamah Seksyen atas dua tuduhan di bawah seksyen ini atas kesalahan mengabaikan dan meninggalkan anak tanpa pengawasan sehingga kesihatan dan kehidupan anak tersebut terjejas.<sup>68</sup>

Oleh itu, menurut seksyen 33 memperuntukan sekiranya ibu bapa atau penjaga kanak-kanak meninggalkan kanak-kanak tanpa pengawasan dan pemeliharaan yang sepatutnya, maka ia merupakan satu kesalahan kecuaiian dan pengabaian terhadap kanak-kanak yang boleh dihukum penjara tidak melebihi dua tahun atau denda tidak melebihi lima ribu ringgit atau kedua-duanya.

Berdasarkan peruntukan seksyen 31 hingga 33 ini, pensabitan hukuman yang dinyatakan dalam seksyen ini adalah salah satu tindakan untuk melindungi kebajikan hak kanak-kanak. Hal ini kerana, melalui kes-kes kecuaiian dan pengabaian ibu bapa terhadap kanak-kanak menunjukkan peningkatan kadar tertinggi pada masa kini. Hal ini merujuk statistik kesan-kesan kecuaiian dan pengabaian ibu bapa terhadap kanak-kanak pada tahun 2012, hanya 368 kanak-kanak atau pelajar yang terlibat dalam kegiatan jenayah, namun jumlah itu meningkat kepada 542 pelajar pada tahun 2013 iaitu peningkatan sebanyak 47 peratus.<sup>69</sup> Tujuan utama peruntukan ini digariskan agar hak kebajikan dan perlindungan kanak-kanak terjamin, malah agar ibu bapa mengambil perhatian dan menjalankan tanggungjawab kepada anak-anak.

#### KETIADAAN PERUNTUKAN ENAKMEN SYARIAH NEGERI YANG BOLEH MENGHUKUM PESALAH DENGAN HUKUMAN TAKZIR

Melalui kajian ini, penulis mendapati pensabitan hukuman kecuaiian dan pengabaian ibu bapa terhadap kanak-kanak masih tidak diperuntukkan di dalam enakmen syariah, malahan juga, jika diteliti kesalahan-kesalahan yang berkaitan dengan kecuaiian dan pengabaian ibu bapa terhadap kanak-kanak tiada dinyatakan dengan khusus atau umum dalam al-Qur'an dan hadis tetapi hanya menyatakan peranan dan tanggungjawab ibu bapa ke atas anak-anak mereka. Walau bagaimanapun, pensabitan hukuman kesalahan ini boleh ditentukan oleh pemerintah atau kuasa hakim merujuk pada konsep siasah syariah.

Tunjang utama dalam pelaksanaan hukum bagi sesuatu pensabitan tersebut akan berdasarkan lima prinsip *maqasid syari'yyah* yang menjadi panduan pelaksanaan hukuman iaitu agama, nyawa, akal, harta dan maruah. Apabila dikaitkan kesalahan kecuaiian dan pengabaian, prinsip nyawa, maruah dan akal dikaitkan dalam pensabitan sesuatu hukuman ke atas pesalah. Hal ini merujuk Hadis daripada Abu Said Al-Khudri r.a bahawa Rasulullah SAW bersabda:

Maksudnya: "Tidak boleh melakukan kemudaratan dan tidak pula boleh mengundang kemudaratan (melalui perbuatan yang dilakukan)." <sup>70</sup>

Hadis ini menjelaskan tegahan atau larangan mencari atau melakukan sesuatu perkara yang mendatangkan kemudaratan. Kemudaratan tersebut perlu berpaksi pada lima tadi. Tambahan lagi, prinsip ini menjadi aras penentuan ke atas seseorang dalam menentukan hukuman yang dilakukan.

Merujuk pada konsep siasah syariah, pensabitan pelaksanaan hukuman ta'zir adalah hukuman yang perlu dikenakan ke atas ibu bapa yang melakukan kesalahan kecuaiian dan pengabaian terhadap kanak-kanak. Hal ini merujuk kaedah bermaksud bahaya khusus ditanggung untuk mencegah bahaya umum.<sup>71</sup> Penjelasan kaedah ini dapat diteliti dengan lebih terperinci apabila sesuatu bahaya atau ancaman yang ditanggung dalam sesuatu perkara perlu diatasi dengan kadar segera agar bahaya dan ancaman yang dihadapi dalam sesuatu perkara tidak menjadi besar. Merujuk penjelasan dan penggunaan kaedah ini dapat difahami, walaupun kecuaiian dan pengabaian ini merupakan satu skop yang khusus dan bukan satu kesalahan jenayah, tetapi tindakan dan perbuatan ini boleh berubah menjadi satu kesalahan jenayah apabila perkara tersebut menyentuh prinsip utama dalam Islam iaitu nyawa, maka secara tidak langsung, pemerintah boleh mengambil tindakan dengan kuasa keadilannya dengan merujuk keterangan-keterangan dan bukti yang diberikan.

Justeru, peruntukan mengenai kesalahan ini boleh dimasukkan di bawah Enakmen Kesalahan Jenayah Islam Negeri ke atas pesalah yang terlepas daripada tuduhan kecuaiian dan pengabaian kanak-kanak di bawah Akta Kanak-kanak 2001.

## KESIMPULAN

Kecuaiian dan pengabaian ibu bapa terhadap kanak-kanak telah menjadi satu fenomena yang sering berlaku di merata tempat sehingga memberi kesan yang buruk pada masa depan anak-anak tersebut. Bagi mengatasi dan menyelesaikan permasalahan yang berlaku, satu anjakan paradigma perlu dilaksanakan oleh pihak kerajaan dan NGO-NGO tertentu bagi mengukuhkan institusi kebajikan dan perlindungan anak-anak tersebut.

Di samping itu, pihak-pihak ini perlu bertindak lebih koperensif dan mencari satu cara yang lebih sesuai dalam menjamin keselamatan kanak-kanak seperti memasukkan peruntukan berkaitan di bawah Enakmen Kesalahan Jenayah Islam Negeri-negeri di Malaysia sebagai satu pensabitan hukuman ke atas ibu bapa yang cuai dan abai terhadap kanak-kanak sekiranya ibu bapa tersebut terlepas daripada sabitan di bawah Akta Kanak-kanak 2001. Justeru, dalam mengariskan hak perlindungan dan kebajikan kanak-kanak tersebut, semua pihak perlu berkerjasama dalam membasmi isu ini daripada berleluasa.

## NOTA

- <sup>1</sup> Lane, Edward William, *An Arabic-English Lexicon*, Juzuk 2, England, 1984. Madkur, Muhammad Salam, *Usul al-Fiqh al-Islam*. Kaherah, 1976, hlm 233.
- <sup>2</sup> Surah al-Zumar, 56.
- <sup>3</sup> Abdul Basir Mohamad, *Undang-undang Tort Islam*, Selangor, 2009, hlm 362.
- <sup>4</sup> UNICEF, <http://www.uniteagainstabuse.my>, 2010, hlm 1.
- <sup>5</sup> UNICEF, <http://www.uniteagainstabuse.my>, 2010, hlm 2.
- <sup>6</sup> Denise Kindschi, *Heavy Hands: An Introduction to the Crimes of Domestic Violence*, United States, 2000, hlm 7.
- <sup>7</sup> Osofsky, J.D., Scheeringa, *Community and Domestic Violence Exposure*, New York, 1994, hlm 871.
- <sup>8</sup> Noor Laily Abu Bakar, Artikel Kemahiran Keibubapaan Masa Kini, 2007, hlm 83.
- <sup>9</sup> Azrina Sobian, *Keluarga Islam Kemahiran Keibubapaan dan Cabaran Semasa*, Selangor, 2007, hlm 247.
- <sup>10</sup> Bryan A. Garner, *Black's Law Dictionary*, Minnesota, 1999, hlm 232.
- <sup>11</sup> Roger Bird, *Osborn's Concise Law Distionary*, London, 1983, hlm 72.
- <sup>12</sup> Elizabeth A. Martin, *Oxford Distionary of Law*, New York, 1996, hlm 62.
- <sup>13</sup> al-Suyuti, Jalal al-Din 'Abd al-Rahman, *al-Ashbah wa al-Naza'ir fi Qawa'id wa Furu' Fiqh al-Shafi'iah*. Kaherah, (t.t), hlm 240.
- <sup>14</sup> Ibn Nujaym, Zayn al-'Abidin bin Ibrahim bin Nujaym, *Al-Ashbah wa al-Naza'ir 'Ala Madhab Abi Hanifah al-Nu'man*. 'Abd al-'Aziz Muhammad al-Wakil (pntjm), Kaherah, 1968, hlm 306.
- <sup>15</sup> Abu Daud, Sunan Abi Daud, Sohih Riwarhi, *Kitab al-Hudud, Babul Fi Majmuni Yashriku Au Yusibu Haddan*, No. 4398.
- <sup>16</sup> Ibn Manzur, Jamal al-Din Abu al-Fadl Muhammad Bin al-Mukarram Bin 'Ali Bin Ahmad Bin Abi al-Qasim, *Lisan al-'Arab*, Kaherah, (t.t), hlm 1233.
- <sup>17</sup> Abu Abdillah Ahmad Bin Ahmad al-Isawi, *Eksiklopedia Anak Tanya Jawab Tentang Anak Dari A Sampai Z*, Jakarta, 2008, hlm 58.
- <sup>18</sup> Surah Ghaafir, 67.
- <sup>19</sup> al-Qalyubi, Shahab al-Din Ahmad Bin Ahmad Bin Salamah al-Qalyubi al-Misri1, *Hashiyah*, Edisi ke-3, Jil 1, Kaherah, 1965, hlm 121.
- <sup>20</sup> Abu Zahrah, Muhammad, *al-Jarimah wa al-'Uqubah*, Kaherah, (t.t), hlm 462.
- <sup>21</sup> al-Qalyubi, Shahab al-Din Ahmad Bin Ahmad Bin Salamah al-Qalyubi al-Misri1, *Hashiyah*, Edisi ke-3, Jil 1, Kaherah, 1965, hlm 121.
- <sup>22</sup> al-Qalyubi, Shahab al-Din Ahmad Bin Ahmad Bin Salamah al-Qalyubi al-Misri1, *Hashiyah*, Edisi ke-3, Jil 1, Kaherah, 1965, hlm 121.
- <sup>23</sup> 'Abd al-Qadir 'Awdah, *al-Tashri' al-Jina'i al-Islam Muqaranan bi al-Qanun al-Wad'i*, Jil 1, Beirut, (t.t), hlm 601.
- <sup>24</sup> Abu Zahrah, Muhammad, *al-Jarimah wa al-'Uqubah*, Kaherah, (t.t). hlm 462.

- <sup>25</sup> Abu Daud, Sunan AbiDaud, Sohih Riwarahi, Kitab al-Taharah, Babul Nahyi A'nil Solati Fi Mabaraki Al-Ibilli, No. 495.
- <sup>26</sup> Salam Madkur, *Usul al-Fiqh al-Islam*, Kaherah, 1976, hlm 81.
- <sup>27</sup> 'Abd al-Qadir 'Awdah, *al-Tashri' al-Jina'i al-Islam Muqaranan bi al-Qanun al-Wad'i*, Jil 1, Beirut, (t.t), hlm 602.
- <sup>28</sup> al-Shawkani, Muhammad bin 'Ali bin Muhammad, *Irshad al-Fuhul ila Tahqiq al-Haq Min 'Ilm al-Usul*, Beirut, 1979, hlm 11.
- <sup>29</sup> Abu Zahrah, Muhammad, *al-Jarimah wa al-'Uqubah*, Kaherah, (t.t) hlm 462.
- <sup>30</sup> Salam Madkur, *Usul al-Fiqh al-Islam*, Kaherah, 1976, hlm 81.
- <sup>31</sup> Salam Madkur, *Usul al-Fiqh al-Islam*, Kaherah, 1976, hlm 81.
- <sup>32</sup> Rajmah Hassan, Ganguan Jiwa...Awat Korban Darah Daging, *Utusan Malaysia*, 8 Mac 2014.
- <sup>33</sup> Rajmah Hassan, Ganguan Jiwa...Awat Korban Darah Daging, *Utusan Malaysia*, 8 Mac 2014.
- <sup>34</sup> Christina Lyon dan Peter de Cruz. 1993. *Child Abuse*. 2<sup>nd</sup> ed. Bristol: Jordan and Sons Limiteds Cik Rosma Che Abu Bakar. 2009. Emak Suruh Minta Sedekah. *Utusan Malaysia*. 04 Desember. Connie Burrows Horton, Tracy K. Cruise. 2001. *Child Abuse and Neglect*. New York: The Guilford Press. hlm. 11.
- <sup>35</sup> Anon, Ibu Tunggal Di Dakwa Subahat Biar Anak Dirogol, *Utusan Malaysia*, 21 September 2011.
- <sup>36</sup> Kasmini Kassim, *Penderaan Emosi Kanak-kanak: Trauma Terlindung*, Siri Syarahan Perdana, Bangi: 1998.
- <sup>37</sup> Anon, Pendapatan Pengemis Cecah RM300 Sehari, *Utusan Malaysia*, 15 Oktober 2013.
- <sup>38</sup> Rosmalinda, Pelacur 12 Tahun Tawar Khidmat Di Australia, *Kosmo*, 4 Januari 2010.
- <sup>39</sup> Anon, Eksploitasi Kanak-kanak Penguatkuasaan Dipertingkatkan, *Utusan Malaysia*, 04 Mac 2014.
- <sup>40</sup> Connie & Tracy, 2001:14.
- <sup>41</sup> Anon. 2014. Eksploitasi Kanak-kanak Penguatkuasaan Dipertingkatkan. *Utusan Malaysia*. 04 Mac.
- <sup>42</sup> Amir Abd Hamid dan Yusmizal Dolah Aling. 2013. Gersang Kasih Ibu. *Harian Metro*. 20 Julai.
- <sup>43</sup> Connie Burrows Horton & Tracy K. Cruise, *Child Abuse and Neglect*, New York, 2001, hlm 14.
- <sup>44</sup> Michael S. Jellinek, J. Michael Murphy, Francis Poitras, Dorothy Quinn & Sandra J. Bishop, Serious Child Maltreatment In Massachusetts: The course of 206 Children Through The Courts, *Journal Child Abuse & Neglect*, Vol. 16, Issue 2, 1992, hlm 179-185.
- <sup>45</sup> Bridget Freisthler, Megan R. Holmes & Jennifer Price Wolf. 2014. The Dark Side of Social Support: Understanding The Role Of Social Support, Drinking Behaviors And Alcohol Outlets For Child Physical Abuse, *Journal Child Abuse & Neglect*, Vol 38. Issue 6, hlm 1106-1119. Bryan A. Garner, 1999. *Black's Law Dictionary*. Edisi Ke-7. Minnesota, 1999.
- <sup>46</sup> Carol G. Taylor, Dennis K. Norman, J. Michael Murphy, Michael Jellinek, Dorothy Quinn, Francis G. Poitras & Marilyn Goshko, 1991, Diagnosed Intellectual And Emotional Impairment Among Parents Who Seriously Maltreat Their children: Prevalence Type And Outcome In a Court Sample, *Journal Child Abuse & Neglect*. Vol. 15, Issue 4, 1991, hlm 389-401.
- <sup>47</sup> Connie Burrows Horton & Tracy K. Cruise, *Child Abuse and Neglect*, New York, 2001, hlm 14.
- <sup>48</sup> Jinah Kim & Kwanghuk Kim, Behavioral And Musical Characteristics Of The Children Who Are Exposed To Child Maltreatment And Poverty In South Korea: a Survey, *Journal Child Abuse & Neglect*, Vol. 38, Issue 6, 2014, hlm 1023-1032.
- <sup>49</sup> Amir Abd Hamid dan Yusmizal Dolah Aling, Gersang Kasih Ibu. *Harian Metro*, 20 Julai 2013.
- <sup>50</sup> Amir Abd Hamid dan Yusmizal Dolah Aling, Gersang Kasih Ibu. *Harian Metro*, 20 Julai 2013.
- <sup>51</sup> Connie Burrows Horton & Tracy K. Cruise, *Child Abuse and Neglect*, New York, 2001, hlm 14.
- <sup>52</sup> Anon, Eksploitasi Kanak-kanak Penguatkuasaan Dipertingkatkan, *Utusan Malaysia*, 04 Mac 2014.
- <sup>53</sup> Carol G. Taylor, Dennis K. Norman, J. Michael Murphy, Michael Jellinek, Dorothy Quinn, Francis G. Poitras & Marilyn Goshko, Diagnosed Intellectual And Emotional Impairment Among Parents Who Seriously Maltreat Their children: Prevalence Type And Outcome In a Court Sample, *Journal Child Abuse & Neglect*, Vol. 15, Issue 4, 1991, hlm 389-401.
- <sup>54</sup> Takeo Fujiwara, Mari kasahara, Hiromi Tsuji & Makiko Okuyama, Association of Maternal Developmental Disorder Traits With Child Maltreatment: A Prospective Study In Japan, *Journal Child Abuse & Neglect*, 2014, hlm 213.
- <sup>55</sup> Sandra J. Bishop, J. Michael Murphy, Michael S. Jellinek, Sister Dorothy Quinn & Judge Francis G. Poitras, Protecting Seriously Maltreated Children: Time Delays in a Cour Sample, *Journal Child Abuse & Neglect*, Vol. 16, Issue 4, 1992, hlm 465-474.
- <sup>56</sup> J. Michael Murphy, Michael Jellinek, Dorothy Quinn, Gene smith, Francis G. Poitras & Marilyn Goshko, Substance Abuse And Serious Child Maltreatment:Prevalence, Risk, and Outcome in a Court Sample, *Journal Child Abuse & Neglect*, Vol. 15, Issue 3, 1991, hlm 197-211.
- <sup>57</sup> Megan R. Holmes, Aggressive Behavior of Children Exposed to Intimate Partner Violence: An Examination of Maternal Mental Health, Maternal Warmth and Child Maltreatment, *Journal Child Abuse & Neglect*. Vol. 37, Issue 8, 2013, hlm 520-530.
- <sup>58</sup> Harvey Wallace, *Family Violence, Legal, Medical and Social Perspectives*, United States, 1996 hlm 85.
- <sup>59</sup> Harvey Wallace, *Family Violence, Legal, Medical and Social Perspectives*, United States, 1996 hlm 85.
- <sup>60</sup> Amir Abd Hamid & Yusmizal Dolah Aling, Gersang Kasih Ibu, *Harian Metro*, 20 Julai 2013.
- <sup>61</sup> Anon, Ibu Tunggal Di Dakwa Subahat Biar Anak Dirogol, *Utusan Malaysia*, 21 September 2011.
- <sup>62</sup> Anon, Pendapatan Pengemis Cecah RM300 Sehari, *Utusan Malaysia*, 15 Oktober 2013.
- <sup>63</sup> Angelina Sinyang, Kanak-kanak 3 Tahun Mati Lemas Dalam Kereta, *Utusan Malaysia*, 19 Julai 2013.
- <sup>64</sup> Anon, Anak Mati Dilanggar Treller, *Utusan Malaysia*, 04 Mac 2014.
- <sup>65</sup> Anon, Pendapatan Pengemis Cecah RM300 Sehari, *Utusan Malaysia*, 15 Oktober 2013.
- <sup>66</sup> Zikri, *Harian Metro*, *Kurang Kasih Sayang Ibu*, 2013.
- <sup>67</sup> Nor Afzan Mohamad Yusof, Hentikan Pengabaian Kanak-kanak, *Berita Harian*, 26 Jun 2014.
- <sup>68</sup> Amir Abd Hamid & Yusmizal Dolah Aling, Gersang Kasih Ibu, *Harian Metro*, 20 Julai 2013.
- <sup>69</sup> Anon, Eksploitasi Kanak-kanak Penguatkuasaan Dipertingkatkan, *Utusan Malaysia*, 04 Mac 2014.
- <sup>70</sup> Abdul Karim Zaidan, *Al-Wajiz fi Syarhi al-Qawa'id al-Fiqhiyyah fi Asy-Syari'ah al-Islamiyyah*, Beirut, 1993, hlm 130.
- <sup>71</sup> Abdul Karim Zaidan, *Al-Wajiz fi Syarhi al-Qawa'id al-Fiqhiyyah fi Asy-Syari'ah al-Islamiyyah*, Beirut, 1993, hlm 130.

## RUJUKAN

- Al-Qur'an.
- 'Abd al-Qadir 'Awdah. (t.t). *al-Tashri' al-Jina'i al-Islam Muqaranan bi al-Qanun al-Wad'i*. Jil. 1. Beirut: Dar al-Kitab al-'Arabi.
- Abdul Basir Mohamad. 2009. *Undang-undang Tort Islam*. Selangor: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdul Karim Zaidan. 1993. *Al-Wajiz fi Syarhi al-Qawa'id al-Fiqhiyyah fi Asy-Syari'ah al-Islamiyyah*. Beirut: Dar al-Ma'rifah.
- Abu Abdillah Ahmad Bin Ahmad al-Isawi. 2008. *Eksiklopedia Anak Tanya Jawab Tentang Anak Dari A Sampai Z*. Jakarta: Darus Sunnah Press.

- Abu al-Naja Sharaf al-Din Musa al-Hijawi al-Maqdisi. (t.t). *al-Iqna' Fiqh al-Imam Ahmad Ibn Hanbal*. Beirut: Dar al-Ma'rifah.
- Abu Daud, Sulaiman Bin al-Ash'ath Bin Ishaq Bin Bashir Bin Shaddad Bin 'Aru al-Azdi.
- Abu Daud, Sulaiman Bin al-Ash'ath Bin Ishaq Bin Bashir Bin Shaddad Bin 'Aru al-Azdi.
- Abu Mazaya Al-Hafiz, Abu Izzat al-Shafi. 2003. *Fiqh Jenayah Islam*. Kuala Lumpur: al-Hidayah Publication.
- Abu Zahrah, Muhammad. (t.t). *al-Jarimah wa al-'Uqubah*. Kaherah: Dar Fikr al-'Arabi.
- Adoption Act* 1976 United Kingdom.
- Akta Kanak-kanak 2001(Akta 611).
- al-Qalyubi, Shahab al-Din Ahmad Bin Ahmad Bin Salamah al-Qalyubi al-Misri. 1965. *Hashiyah*. Edisi ke-3. Jil 1. Kaherah: Mustafa al-Halabi.
- al-Sajistani. 1980. *Sunan Abi Daud*. Kitab Hudud. Jil. 6. Beirut: Dar al-Ma'rifah.
- al-Sajistani. 1980. *Sunan Abi Daud*. Kitab Taharah. Jil. 1. Beirut: Dar al-Ma'rifah.
- al-Shawkani, Muhammad bin 'Ali bin Muhammad. 1979. *Irshad al-Fuhul ila Tahqiq alHaq Min'Ilm al-Usul*. Beirut: Dar al-Ma'rifah.
- Al-Shawkani, Muhammad bin Ali. 1900. *Nayl al-Awtar*. Jilid 7. Al-Qahirah: Darl al-Hadith.
- al-Suyuti, Jalal al-Din 'Abd al-Rahman. (t.t). *al-Ashbah wa al-Naza'ir fi Qawa'id wa Furu' Fiqh al-Shafi'iah*. Kaherah: al-Halabi.
- Al-Zuil'e, Abdullah Bin Yussof. 1995. *Nasb al-Rayah*. Jilid 4. Al-Qahirah: Darl al-Hadith.
- Amir Abd Hamid dan Yusmizal Dolah Aling. 2013. Gersang Kasih Ibu. *Harian Metro*. 20 Julai.
- Angelina Sinyang. 2013. Kanak-kanak 3 Tahun Mati Lemas dalam Kereta. *Utusan Malaysia*. 19 Julai.
- Anon. 1997. *Tanggungjawab Ibu Bapa dan Anak Menurut al-Qur'an dan Sunnah*. Ctk. 2.
- Anon. 2011. Ibu tunggal didakwa subahat biar anak dirogol. *Utusan Malaysia*, 21.
- Anon. 2013. Budak Naik Bananaboat Mati Lemas. *Kosmo*. 10 Desember.
- Anon. 2013. Pendapatan pengemis cecah RM300 sehari. *Utusan Malaysia*, 15 Oktober.
- Anon. 2014. Eksploitasi kanak-kanak penguatkuasaan dipertingkatkan. *Utusan Malaysia*, 04 Mac.
- Anon. 2014. Ibu remaja OKU didakwa atas dua tuduhan. *Berita Harian*, 27 Jun.
- Anon. 2014. Kegiatan jenayah di kalangan pelajar sekolah membimbangkan. *Berita Harian*, 29 Mac.
- Azrina Sobian. 2007. *Keluarga Islam Kemahiran Keibubapaan dan Cabaran Semasa*.
- Bird, R. 1983. *Osborn's Concise Law Dictionary*. Edisi Ke-7. London: Sweet dan Maxwell.
- Bishop, S. J., Murphy, M., Jellinek, M. S., Quinn, D. & Poitrat, F. G. 1992. Protecting seriously mistreated children: Time delays in a cour sample. *Journal Child Abuse & Neglect* 16(4): 465-474.
- Children Act* 1975 United Kingdom.
- Children and Young Persons Act* 1933 United Kingdom.
- Cik Rosma Che Abu Bakar. 2009. Emak suruh minta sedekah. *Utusan Malaysia*, 04 Desember.
- Faizatul Nadia Mohd Tahir. 2014. Peningkatan kes juvana: Di manakah nilai seorang remaja. *Utusan Malaysia*, 11 April.
- Freisthler, B., Holmes, M. R. & Wolf, J. P. 2014. The dark side of social support: Understanding the role of social support, drinking behaviors and alcohol outlets for child physical abuse. *Journal Child Abuse & Neglect*. 38(6): 1106-1119.
- Garner, B. A. 1999. *Black's Law Dictionary*. Edisi Ke-7. Minnesota: West Group, St. Paul.
- Gosselin, D. K. 2000. *Heavy Hands: An Introduction to the Crimes of Domestic Violence*. United States: Prentice Hall.
- H.A. Djazuli. 2000. *Fiqh Jenayah*. Jakarta: PT Raja Grafindo Persada.
- Haji Said Haji Ibrahim. 1996. *Qanun Jenayah Syariah dan Sistem Kehakiman dalam Perundangan Islam Berdasarkan Al-Qur'an dan Hadis*. Ctk. 1. Kuala Lumpur: Darul Ma'rifah.
- Haji Said Haji Ibrahim. 1996. *Qanun Jenayah Syariah dan Sistem Kehakiman dalam Perundangan Islam Berdasarkan Al-Qur'an dan Hadis*. Ctk. 1. Kuala Lumpur: Darul Ma'rifah.
- Holmes, M. R. 2013. Aggressive Behavior Of Children Exposed To Intimate Partner Violence: An Examination of Maternal Mental Health, Maternal Warmth and Child Maltreatment. *Journal Child Abuse & Neglect*. Vol. 37. Issue 8. 520-530.
- Horton, C. B. & Cruise, T. K. 2001. *Child Abuse and Neglect*. New York: The Guilford Press.
- Ibn Manzur, Jamal al-Din Abu al-Fadl Muhammad Bin al-Mukarram Bin 'Ali Bin Ahmad Bin Abi al-Qasim. (t.t.). *Lisan al-'Arab*. Kaherah: Dar al-Ma'rifah.
- Ibn Nujaym, Zayn al-'Abidin bin Ibrahim bin Nujaym. 1968. *Al-Ashbah wa al-Naza'ir 'Ala Madhab Abi Hanifah al-Nu'man*. 'Abd al-'Aziz Muhammad al-Wakil (pntjm). Kaherah: Mu'assah al-Halabi.
- Ibn Qudamah, Muafi' al-Din Abdullah Bin Ahmad. 1994. *Al-Mughni*. Jil. 7. Beirut: Darl al-Kutub al-'Ilmiah.
- Jellinek, M. S., Murphy, J. M., Poitrat, F., Quinn, D. & Bishop, S. J. 1992. Serious child mistreatment in Massachusetts: The course of 206 children through the courts. *Journal Child Abuse & Neglect* 16(2): 179-185.
- Jinah Kim & Kwanghuk Kim. 2014. Behavioral And Musical Characteristics of the Children Who Are Exposed to Child Maltreatment and Poverty in South Korea: a Survey. *Journal Child Abuse & Neglect*. Vol. 38. Issue 6. 1023-1032.
- Kasmini Kassim. 1998. *Penderaan Emosi Kanak-kanak: Trauma Terlindung*. Siri Syarahan Perdana. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Kepple, N. J., Freisthler, B. & Johnson, M. 2014. Bias in child maltreatment self-reports using Interactive Voice Response (IVR). *Journal Child Abuse & Neglect*.
- Kuala Lumpur: JAKIM.
- Lane, E. W. 1984. *An Arabic-English Lexicon*. Juzuk 2. England: The Islamic Texts Society Trust. Madkur, Muhammad Salam. 1976. *Usul al-Fiqh al-Islam*. Kaherah: Dar al-Nahdah al'Arabiyyah.
- Lyon, C. dan de Cruz, P. 1993. *Child Abuse*. 2nd edition. Bristol: Jordan and Sons Limites.

- Martin, E. A. 1996. *Oxford Dictionary of Law*. Edisi Ke-3. New York: Oxford University Press.
- Murphy, J. M. & Jellinek, M., Quinn, D., Smith, G., Poitras, F. G. & Goshko, M. 1991. substance abuse and serious child mistreatment: Prevalence, risk, and outcome in a court sample. *Journal Child Abuse & Neglect* 5(3): 197-211.
- Mustofa al-Khin, Mustofa al-Bugho, Ali ash-Sarbaji. 2005. *Kitab Fikah Mazhab Syafie*. Jil. 8. Kuala Lumpur: Pustaka Salam
- Noor Laily Abu Bakar. 2007. *Artikel Kemahiran Keibubapaan Masa Kini*. Petaling Jaya.
- Nor Afzan Mohamad Yusof. 2014. Hentikan Pengabaian Kanak-kanak. *Berita Harian*. 26 Jun.
- Osofsky, J. D. & Scheeringa. 1994. *Community and Domestic Violence Exposure*. New York: University of Rochester Press.
- Rajmah Hassan. 2014. Gangguan jiwa: Awak korban darah daging. *Utusan Malaysia*, 8 Mac.
- Rosmalinda. 2010. Pelacur 12 tahun tawar khidmat di Australia. *Kosmo*, 4 Januari. Selangor: MPH Group. September.
- Takeo Fujiwara, Mari Kasahara, Hiromi Tsuji & Makiko Okuyama. 2014. Association of maternal developmental disorder traits with child mistreatment: A prospective study in Japan. *Journal Child Abuse & Neglect*.
- Taylor, C. G., Norman, D. K., Murphy, J. M., Jellinek, M., Quinn, D., Poitras, F. G. & Goshko, M. 1991. Diagnosed intellectual and emotional impairment among parents who seriously mistreat their children: Prevalence type and outcome in a court sample. *Journal Child Abuse & Neglect* 15(4): 389-401.
- UNICEF. <http://www.uniteagainstabuse.my>. Diakses pada: September 2010.
- Wahbah al-Zuhaili. 1989. *Fiqh Islamiah*. Jilid 6. Damsyik: Darl Fiqir.
- Wallace, H. 1996. *Family Violence, Legal, Medical and Social Perspectives*. United States: Allyn and Bacon.
- Zikri. 2013. Kurang kasih sayang ibu. *Harian Metro*.
- Mohammad Ramzi Zakaria  
Siswazah Fakulti Undang-undang  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
43600 Bangi Selangor.

